

# UPM miliki hospital sendiri 2018

SERDANG - Fakulti Perubatan Universiti Putra Malaysia (UPM) akan mempunyai hospital pengajarnya tidak lama lagi khusus bagi menyediakan kemudahan latihan amali bagi penuntut perubatannya.

Perkara itu akan menjadi kenyataan selepas 17 tahun. Fakulti Perubatan UPM dibangunkan apabila Kementerian Kesihatan bersetuju membina hospital dengan kapasiti 400 katil di kawasan seluas 38.4 hektar bersebelahan Hospital Serdang yang dijangka siap pada 2018.

Naib Canselor UPM, Profesor Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan (**gambar**) berkata,



pihak universiti memperoleh dana RM600 juta daripada kerajaan bagi membina hospital itu, yang diharap dapat mentransformasikan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) sebagai pusat kecemerlangan dan pengajian perubatan untuk melahirkan pakar dan sub pakar dengan lebih pesat.

"Ketiadaan Hospital Pengajar yang khusus bagi UPM menyebabkan kemajuan pe-

ngajian siswazah dalam bidang klinikal tertanggung selain pembangunan program pasca siswazah, kepakaran dan sub kepakaran terbatas," katanya kepada Bernama di pejabatnya di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, bagi mengisi jawatan di hospital berkenaan, UPM telah memohon kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mendapatkan 2,643 tenaga kerja bagi mengisi pelbagai jawatan.

"Daripada jumlah tersebut, 508 orang adalah daripada kumpulan pengurusan dan profesional manakala 2,135 lagi dalam kumpulan sokongan," katanya.

Mohd. Fauzi berkata, Hospital Pengajar UPM itu akan memberi pengkhususan kepada empat bidang utama iaitu Kanser, Strok, Zoonotik dan Gerontologi.

Beliau berkata, objektif utama penubuhan hospital itu adalah untuk menyediakan kemudahan dan peralatan yang lengkap kepada penuntut fakulti perubatan, meningkatkan kapasiti perkhidmatan kesihatan masyarakat setempat dan meningkatkan peluang untuk menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan dalam bidang perubatan yang mampu memberi tambah nilai kepada UPM untuk jangka masa panjang.

Menurutnya, ia juga berperanan melengkapkan kemudahan dan perkhidmatan sedia ada di Hospital Serdang seperti di unit kecemasan serta forensik selain menyediakan pasukan pakar perubatan yang tidak ditawarkan hospital berkenaan ketika ini.